

## KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	23/10/2019	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	JKPTG			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

# Wujud geran tanah palsu di Kedah

**Tanah berstatus Hutan Simpan Kekal Cheba tidak pernah diluluskan hak milik**

ROSINDA HASHIM

ALOR SETAR

Tanah berstatus Hutan Simpan Kekal Cheba Mukim Tekai di daerah Padang Terap tidak pernah diluluskan hak milik.

Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, kemungkinan ada pihak mengambil kesempatan menjual tanah

berkenaan tanpa pengetahuan dengan mengemukakan nombor PT palsu.

Menurutnya, antara kaedah untuk mengenal pasti geran sah atau palsu adalah dengan melihat kepada jumlah nombor PT.

"Kebiasaan terdapat empat nombor PT butan lima nombor. Nombor PT yang didedahkan itu masih belum wujud di buku daftar nombor PT di Pejabat Tanah Daerah Padang Terap," katanya ketika menjawab soalan tambahan Mohd Radzi Md Amin (Pas-Pedu) berhubung kemungkinan wujud geran tanah palsu di Hutan Simpan Kekal Cheba pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah di sini semalam.

Sebelum itu Mohd Radzi



MUKHRIZ

mendedahkan beberapa geran tanah yang dikemukakan pemilik antaranya bernombor PT 20000, PT 15020 serta PT 45604.

Mukhriz berkata, berdasarkan semakan melalui Sistem Pen-

daftar Tanah Berkomputer (SPTB) dan nombor PT terbabit, ia tidak wujud.

"Kerajaan negeri tidak beradang untuk berikan pembebasan. Jika tanah itu dirancang untuk tujuan itu, ia akan dijadikan sebagai tanah berstatus pajakan 99 tahun dan bersyarat pertanian," katanya.

Menurutnya, sekiranya hak milik didaftarkan, hak itu dilindungi bawah Kanun Tanah Negara dan tidak boleh disangkal.

Menjawab soalan Mohd Radzi berkaitan tindakan kerajaan negeri untuk mengatasi kecelewaan status tanpa menganiaya

pemilik tanah, Mukhriz berkata, jika hak milik yang didaftarkan itu berada dalam kawasan Hutan Simpan Kekal, kawasan itu perlulah dicabut keluar dari status Hutan Simpan.

Ketika menjawab soalan tambahan Mohd Isa Shafie (Pas-Belantek) berhubung kemungkinan juga terdapat geran bertindih antara pemilik, Mukhriz berkata, ia tidak sepatutnya berlaku kerana pemilikan geran didaftarkan dengan Pejabat Tanah Daerah.

"Jika ada keraguan dan dakwaan seperti itu, saya mohon pemegang geran buat semakan di Pejabat Tanah Daerah," katanya.

